

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 03/08/2007

Perkenal VSS lepaskan kakitangan bermasalah – KSN

Um - 3/8/2007

Oleh WAN RAMLI WAN MUHAMAD

KUALA TERENGGANU 2 Ogos – Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) disaran mewujudkan Skim Pemberhentian Sukarela (VSS) bagi melepaskan pekerja-pekerja bermasalah daripada terus berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Sidek Hassan menegaskan, langkah itu bukan perkara baru di negara ini kerana VSS telah lama diamalkan oleh sektor swasta.

“Namun, sebarang tindakan yang diambil mestilah telus dan adil bagi mengelakkan

sebarang penganiayaan,” katanya semasa menutup Persidangan Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Pelajaran dan Negeri di Primula Beach Resort di sini hari ini.

Hadir sama ialah Pengerusi SPA, Tan Sri Jamaluddin Ahmad Damanhuri dan Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, Datuk Mokhtar Nong.

Mohd. Sidek turut menyarankan agar SPA, Suruhanjaya Pelajaran dan Negeri mencontohi tindakan syarikat-syarikat swasta terkemuka mengambil pelajar cemerlang berkhidmat dalam organisasi mereka.

Menurutnya, antara cara yang dilakukan oleh syarikat swasta ialah memilih pelajar cemerlang sejak mereka masih menuntut

lagi, sekurang-kurangnya pada tahun akhir pengajian.

“Mungkin perkara yang sama boleh dilakukan bagi kemasukan ke dalam perkhidmatan awam supaya kita terus kekal relevan, cemerlang dan dipercayai untuk menerajui pembangunan negara,” katanya.

Mohd. Sidek menambah, selaras dengan konsep perkhidmatan awam yang kreatif dan berinovatif, proses pengambilan dan pelantikan ke dalam perkhidmatan awam perlu mengamalkan prinsip yang sama.

Katanya, proses pengambilan dan pelantikan tidak semestinya berlaku pada tahap kemasukan sahaja iaitu pada Gred 41.

“Bagi memastikan perkhidmatan yang

responsif dan dinamik, mungkin sudah tiba masanya dipertimbangkan kemasukan di pelbagai peringkat iaitu tidak semestinya di Gred 41 sebaliknya pada Gred 44, 48 dan seterusnya dengan mengambil kira kelayakan dan pengalaman calon,” ujarnya.

Beliau menegaskan, langkah itu dapat menggalakkan mereka yang cemerlang dalam sektor swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) beralih menabur jasa dalam perkhidmatan awam.

Katanya, dengan cara itu perkhidmatan awam di Malaysia akan lebih versatil dan terbuka serta berkemampuan untuk menarik mereka yang terbaik berkhidmat dalam kerajaan.